

18 JAN 2004

Najib-Mandat

BARISAN NASIONAL PERLU MANDAT BESAR, KATA NAJIB

SHAH ALAM, 18 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) dan Umno perlu mendapat mandat besar dalam pilihan raya umum akan datang sebagai bukti penerimaan rakyat terhadap peralihan kepimpinan negara dan segala hala tuju yang telah digariskan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata mandat yang memberangsangkan daripada rakyat akan membolehkan pembangunan negara serta taraf hidup rakyat terus dipertingkatkan lagi.

Najib berkata mandat yang lebih besar ini juga perlu bagi menghadapi pelbagai cabaran dan perubahan akibat persaingan global dan serantau berikutan globalisasi, kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan perubahan daripada segi k-ekonomi.

"Kalau kita tidak bergerak daripada keadaan hari ini kepada tahap yang lebih tinggi, maka kita akan dipintas oleh negara-negara lain. Sebab itu kita perlu mandat besar," kata Najib.

Beliau berucap melancarkan majlis gerak kerja jentera pilihan raya Umno Selangor anjuran badan perhubungan Umno Selangor di Dewan Kompleks Belia dan Kebudayaan di sini.

Lebih 10,000 pemimpin dan anggota Umno daripada pelbagai peringkat hadir dalam majlis itu.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata mandat besar daripada rakyat bukan saja membawa kestabilan tapi juga kerajaan boleh membawa lebih banyak pembaruan dan pembangunan.

"Berasaskan mandat besar rakyat akan ada keyakinan dan dengan itu Barisan Nasional boleh merancang pelbagai program untuk rakyat," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, sebagai mengulas ucapan beliau itu, Najib berkata walaupun peralihan kepimpinan negara berjalan lancar tetapi mandat pilihan raya ini boleh dijadikan kayu ukur untuk melihat

penerimaannya.

"Peralihan kepemimpinan negara kita...walaupun nampak begitu tersusun dan teratur, tetapi kayu ukur mutlak ialah mandat pilihan raya," kata Najib merujuk kepada peralihan kuasa daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah pada 31 Okt lepas.

Najib berkata mandat besar daripada rakyat diperlukan kerana Abdullah mempunyai hasrat yang begitu ikhlas untuk membawa negara ke tahap kejayaan yang lebih tinggi lagi.

Dalam ucapannya Najib juga menggariskan dua elemen penting untuk kejayaan parti iaitu kesanggupan berusaha gigih dan dengan penuh setia.

Menurut Najib pengalaman pilihan raya umum 1999 menunjukkan bagaimana ketidaksetiaan, tindakan membelot dan sikap bermuka-muka telah menyebabkan Umno kehilangan banyak kerusinya.

"Ada yang bermuka-muka. Depan kita (semunya) OK tapi bermuka-muka... berpura-pura. Sebab itu kita teruk. Kalau semua orang Umno turut mengundi dan setia kita tidak kalah. Sebab bermuka-muka Umno terhina dalam pilihan raya lalu," kata Najib.

Najib juga mengingatkan bahawa kesetiaan itu mestilah dengan hati yang jujur dan bukannya bersyarat, contohnya setia hanya jika diberikan kedudukan atau dipilih menjadi calon.

Dalam ucapannya itu, Najib berkata Pas tidak harus menyentuh soal akidah atau keIslaman orang Melayu.

"Kalau masuk Umno rosak akidah...perkara seperti inilah yang merosakkan pemikiran umat Islam, kerana Pas masih lagi mempolitik akidah di peringkat akar umbi," katanya.

Beliau berkata Umno sedia berdebat dengan Pas mengenai apa juga isu-isu mengenai dasar-dasar yang dibawanya.

"Tapi jangan sekali-kali mempersoalkan keimanan, jauh sekali keIslaman kita sebagai orang Umno," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita, Najib berkata beliau percaya tidak ada isu besar dalam pilihan raya umum akan datang ini kerana rata-rata rakyat mempunyai semangat tinggi terhadap kepemimpinan baru negara.

"Ini nampaknya akan lebih menguasai fikiran rakyat daripada apa-

apa isu
lain. Saya percaya kalau pembangkang cuba melontarkan apa-apa isu,
amat
sukar untuk mereka memenangi hati rakyat," katanya.

-- BERNAMA

RV PR